

Almarhum banyak beri nasihat — MB

UM 23 NOV 2001

KLANG 22 Nov. — Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo berkata, beliau benar-benar **terasa** kehilangan Yang di-Pertuan **Agong**, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang mangkat semalam.

Ini kerana, katanya, Seri Paduka tidak pernah **jemu-jemu memberikan** nasihat walaupun beliau baru satu **setengah** tahun **mengetuai** kerajaan negeri **Selangor** dan bekerja di bawah nemonintahan **baginda**.

Katanya, apabila sahaja **masalah** timbul dan memerlukan perhatian **baginda**, **Almarhum** tidak pernah menolak untuk **membincangkan** dan menyelesaikan masalah itu dengan segera.

"Saya benar-benar **terasa** kehilangannya **terutama nasihat-nasihat** daripada **baginda**," katanya ketika **ditemui** selepas istiadat pemakaman Sultan Salahuddin di Makam Dira-ja **Klang** hari ini.

Dr. Khir berkata, Almarhum Seri Paduka **juga** memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negeri Selangor khususnya **menyelaraskan** pembangunan dengan **Kerajaan Pusat**.

Katanya, sebagai Yang di-Pertuan **Agong**, **baginda** sering mengadakan perbincangan dengan **Perdana Menteri**, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan kemudiannya **membawa** idea-idea itu ke negeri Selangor.

"Sebab itu **kita** dapat lihat pembangunan di Selangor hampir seimbang dengan **pembangunan Persekutuan**," **katanya**.

Mengenai pemasyhuran Sultan **Sharafuddin Idris** Shah sebagai Sultan Selangor yang baru, beliau yakin **Selangor** akan terus **berkembang** **baginda**.